

Kesedaran Sensitiviti Moral Melalui Aktiviti Analisis Filem Pendek: Satu Kajian Tindakan di Kelas Pendidikan Moral (Moral Sensitivity Awareness through Film Analysis Activities: An Action Research in a Moral Education Class)

VASANTHAN GURUSAMY*, NADARAJAN THAMBU & CHANDER VENGADASALAM

ABSTRAK

Sensitiviti moral merupakan unsur yang menjadi tunjang kepada sesuatu perlakuan moral. Sensitiviti moral melibatkan proses mentafsir perasaan orang lain, kemahiran empati dan patuh kepada prinsip moral. Justeru artikel ini membincangkan hasil kajian tentang potensi aktiviti menonton dan analisis filem pendek sebagai kaedah pengajaran dalam mencungkil unsur sensitiviti moral dalam kalangan murid sekolah menengah. Seramai 18 orang murid perempuan dan lelaki (tiga kumpulan berfokus) dari kelas Pendidikan Moral tingkatan empat digunakan untuk tujuan pengumpulan data. Teknik pensampelan bertujuan digunakan untuk memilih peserta kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian tindakan yang menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan penulisan jurnal murid. Dapatan kajian menunjukkan aktiviti menonton dan analisis filem pendek dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral mampu mencungkil sensitiviti moral dalam kalangan murid tingkatan empat. Mempunyai sensitiviti moral adalah satu nilai murni yang amat penting kepada seseorang murid dalam memupuk kesedaran tentang sesuatu isu moral dan keupayaan untuk mengambil pertimbangan wajar sebelum menyelesaikan sesuatu konflik.

Kata kunci: Sensitiviti moral, menonton dan analisis filem, pengajaran dan pembelajaran, Pendidikan Moral

ABSTRACT

Moral sensitivity is an important element that is the cornerstone of a moral act. Moral sensitivity involves the process of interpreting the feelings of others, understanding the impact of an issue and how it affects certain parties, empathy skills and role play in realizing a moral issue exists in a situation, and adhering to moral principles, rules or guidelines. Hence this article discusses the findings of the study on the potential of watching and analysing short films as a method of teaching in identifying the element of moral sensitivity among secondary school children. A total of 18 male and female Form Four students (three focus groups) were used for data collection purposes. Purposive sampling technique was used to select the study participants. This study uses a qualitative approach with action research design using interviews, observations and journal writing for the purpose of collecting data. Data analysis shows that watching and film analysis activities in the teaching and learning of Moral Education were able to unleash moral sensitivity and awareness among the participants. Having moral sensitivity is a very important moral value to a student in having awareness in a particular moral issue and having the ability to take rational judgment before resolving any conflict.

Keywords: Moral sensitivity, watching and film analysis, teaching and learning, Moral Education

PENGENALAN

Pendidikan Moral merupakan satu kurikulum untuk membentuk murid menjadi insan bermoral dengan memberi keutamaan dalam aspek perkembangan pemikiran moral, emosi dan tingkah laku moral (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM 2000). Berdasarkan dokumen rasmi ini, perkembangan moral yang meliputi ketiga-tiga aspek dapat memupuk kekuatan kerohanian dan kemoralan melalui penghayatan nilai murni masyarakat Malaysia yang terdapat dalam agama, tradisi dan adat resam pelbagai kaum di negara ini (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM 2000).

Namun kajian menunjukkan wujudnya masalah dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di negara Malaysia (Liau et al. 2003). Pengajaran guru Pendidikan Moral memberikan keutamaan dalam aspek kognitif malah aspek emosi dan tindakan tidak diendahkan (Vishalache 2009). Tambahan pula kaedah pengajaran Pendidikan Moral yang dilaksanakan oleh guru juga mementingkan hafalan nilai murni dengan menggunakan buku teks dan huraian sukatan pelajaran (Abd. Shatar 2009). Malahan kewujudan pelbagai masalah sosial seperti pecah rumah, membuli dan penularan budaya gengsterisme serta hedonisme yang melibatkan murid semakin meningkat di negara kita (Zainul Arifin Md. Isa 2012). Salah satu sebab perkara seumpama ini berlaku

disebabkan oleh pengaruh persekitaran sekolah (Zainal & Sharani 2004). Guru Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam perlu peka kepada masalah ini dan harus menangani gejala ini melalui kaedah pengajaran yang berkesan. Menurut Nadarajan (2014) kewujudan masalah sosial ini juga disebabkan oleh murid kurang memberi tumpuan kepada nilai moral dan tidak peka terhadap isu moral yang dihadapi oleh mereka. Oleh itu, kaedah pengajaran yang lebih mantap perlu digunakan dalam kelas Pendidikan Moral agar murid dapat menyedari isu moral yang berlaku di sekeliling mereka.

Menurut Bebeau et al. (1999), sensitiviti moral melibatkan (1) proses mentafsir perasaan orang lain, (2) pemahaman kesan daripada sesuatu isu dan bagaimana ia memberikan impak kepada pihak tertentu, (3) kemahiran empati dan main peranan dalam menyedari sesuatu isu moral wujud dalam situasi yang dilalui dan (4) patuh kepada prinsip moral, peraturan atau garis panduan. Menurut Lutzen (2012), individu yang mempunyai unsur sensitiviti moral mampu menyelesaikan sesuatu konflik yang dihadapi. Selain itu, mereka juga mampu membuat justifikasi mengikut persepsi diri sendiri dalam menyedari sesuatu isu yang membawa kepada keputusan moral. Crowell (2005), menegaskan bahawa unsur sensitiviti moral amat mustahak kepada seseorang dalam menggambarkan pelbagai tindakan alternatif bagi menyelesaikan sesuatu isu yang dihadapi. Justeru unsur sensitiviti moral harus diberi keutamaan dalam pengajaran Pendidikan Moral bagi melahirkan insan yang bermoral.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneroka bagaimana penggunaan aktiviti menonton dan analisis filem pendek dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral dapat membangkitkan unsur sensitiviti moral dalam kalangan murid Tingkatan Empat. Peserta kajian juga terlibat dalam aktiviti menonton dan analisis filem melalui filem pendek yang ditayangkan dalam sesi pengajaran Pendidikan Moral.

ANALISIS FILEM SEBAGAI KAEDAH PENGAJARAN PENDIDIKAN MORAL

Setiap aktiviti yang dilakukan oleh manusia melalui deria pendengaran, deria penglihatan, deria sentuhan, deria bau dan deria rasa memberikan maklumat kepada minda untuk disimpan sebagai pengetahuan semantik atau pengetahuan episodik (Marois 2005). Pengetahuan semantik membawa maksud pengetahuan yang sedia ada dalam minda ataupun maklumat asas yang diperolehi sepanjang hayat kita contohnya warna, bunyi huruf, nama negara dan sebagainya. Manakala pengetahuan episodik membawa maksud pengetahuan yang kita peroleh daripada pengalaman yang kita lalui contohnya masa, tempat, emosi yang ditimpa, dengan siapa berlaku situasi berkenaan. Pengetahuan episodik juga boleh dikatakan sebagai koleksi pengalaman yang dilalui seseorang (Rizzolati et al. 1996). Oleh itu melalui deria pendengaran dan deria

penglihatan yang berlaku dengan serentak minda kita akan beroperasi dan menyebabkan maklumat disimpan. Apabila kita menonton filem sensori motor seperti deria penglihatan dan deria pendengaran akan diaktifkan dan memberikan mesej kepada otak manusia untuk bertindak balas (Rizzolati et al. 1996).

Pendapat lain yang dinyatakan oleh Champoux (2001), otak manusia menunjukkan perbezaan fungsi di antara otak hemisfera kanan dan hemisfera kiri. Hemisfera kanan fungsinya lebih kepada sesuatu maklumat yang diperolehi daripada digital, pelaksanaan tugas hasil daripada pemikiran deduktif terutamanya maklumat yang diperolehi daripada lisan dan penulisan. Manakala fungsi otak hemisfera kiri pula adalah lebih kepada ikon atau melaksanakan sesuatu tugas hasil daripada perasaan melalui maklumat yang diterima daripada sumber audio visual terutama sekali melalui tontonan filem. (Cassidy & Knowlton 1983; Springer & Deutsch 1998). Oleh itu, penggunaan media seperti filem dapat menggerakkan minda murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Fungsi otak bagi kedua-dua hemisfera ini menunjukkan penggunaan media filem dapat membantu murid dalam pengajaran dan pembelajaran di kelas (Champoux 2001).

Dalam satu lagi teori simulasi badan (*embodied simulation*) yang banyak dikaitkan dengan kesan ketika menonton filem didapati pemerhatian terhadap sesuatu tindakan, emosi dan perasaan dapat mengaktifkan neuron mirror apabila moto sensori mendapatkan maklumat daripada sesuatu media (Gallese 2011). Neuron mirror akan menjadi aktif apabila seseorang memerhatikan tindakan, emosi dan perasaan orang lain lalu persamaan mekanisme neural akan berlaku dan menyebabkan situasi itu akan dialami oleh diri sendiri (Gallese 2003; 2005 & 2011). Menurut Gallese dan Guera (2012), apabila kita memerhatikan tindakan orang lain dalam sesuatu situasi, secara tidak langsung kita mengaktifkan sistem moto diri sendiri seperti mana keadaan moto pelaku. Oleh itu teori ini menyatakan bahawa pemerhatian terhadap tindakan orang lain dapat memberikan pengalaman emosi dan somato sensori kepada orang yang memerhati. Ini membuktikan teori simulasi badan (*embodied simulation*) memberi peluang kepada seseorang untuk menghayati situasi dunia orang lain. Dalam proses menonton filem ia dapat memberikan simulasi badan apabila pereka filem memberi tumpuan terhadap tahap empati dalam sesuatu filem yang dibuat. Tahap empati ini dapat memberikan kesan kepada simulasi badan bergantung kepada tahap penerimaan badan seseorang individu yang menonton sesebuah filem '*embodied simulation*' (Jan 1998). Pakar neuro sains Sobchack dan Vivian (2012) menyatakan apabila kita menonton filem kebenaran sesuatu situasi filem bergantung kepada kefahaman simulasi badan kita. Simulasi badan kita akan memberi impak kepada minda dan badan untuk menerima kebenaran daripada sesuatu rekaan filem (George & Mark 1999). Tahap penerimaan simulasi ini akan memberi kesan kepada perasaan empati

kepada penonton dan dapat menjiwai perwatakan watak dalam sesebuah filem.

Di samping itu, ketika menonton filem, kita bebas dalam kehidupan realiti. Fokus yang sepenuhnya akan kita berikan kepada filem yang kita tonton. Keadaan ini menyebabkan simulasi badan memberikan maklumat baru yang tidak dipunyai oleh badan kita dalam dunia realiti (Vittorio 2011). Ini dapat membantu kita mempelajari sesuatu yang baharu yang tidak pernah kita alami dalam dunia realiti. Begitu juga ketika seseorang menonton filem simulasi badan akan menyebabkan perhatian sepenuhnya diberikan terhadap jalan cerita. Keadaan ini menyebabkan interaksi kita dengan filem menjadi kukuh akibat daripada simulasi badan yang stabil yang memberikan maklumat melalui adegan, emosi, peristiwa yang dipaparkan dalam sesebuah filem (Gallesa & Guera 2012). Apabila simulasi badan diaktifkan sepenuhnya peralihan emosi dan perasaan akan berlaku di antara pelakon dan penonton. Keadaan ini menyebabkan penonton dapat merasai sepenuhnya apa yang berlaku dalam jalan cerita dalam filem berkenaan (Peppino 2010). Selain itu ketika menonton filem kita bukan sahaja menumpukan perhatian terhadap filem tetapi tanpa pergerakan badan membolehkan kita menggunakan sumber simulasi sepenuhnya untuk memahami perasaan dan emosi yang dialami oleh seseorang watak dalam filem (Hannah 2011). Filem merupakan asas kepada tindakan yang dilakukan oleh watak. Pergerakan dan tindakan dalam filem membantu perkembangan cerita dalam filem untuk mencapai objektif tertentu dalam sesebuah filem. Menurut salah seorang pengkaji, kepercayaan dan kemampuan kita sentiasa menjadi bahan rujukan dalam membuat kesimpulan terhadap sesuatu tindakan yang dilakukan oleh watak dalam filem (Vittorio 2003). Oleh itu secara tidak disedari kita akan membuat perbandingan sikap dan tingkah laku yang ditunjukkan oleh watak dalam filem yang kita tonton. Menurut Barker penonton berasa kamera dalam filem sebagai badannya sendiri dan berupaya bergerak dan memberikan isyarat kepada simulasi badan. Apabila penonton dan filem berinteraksi dari aspek kelakuan, sikap dan peristiwa ia akan menyebabkan penonton akan bergerak selari dengan jalan cerita dalam sesebuah filem (Torben 1997). Maka penonton dapat menerokai kelakuan atau tindakan yang dibawa oleh watak dan dapat menilai kemampuan dan kepercayaan diri sendiri melalui sesebuah filem.

Dalam beberapa kajian yang dilakukan oleh pengkaji dalam pengajian media membuktikan, filem dapat memberikan impak kepada emosi dan kognitif kepada penonton bergantung kepada tahap penglibatan atau cara penerimaan sesuatu impak (Till et al. 2011). Dalam kata lain, impak media kepada seseorang terutama filem bergantung kepada pendekatan individu ke arah rangsangan media itu sendiri (Wirth & Schramm 2005). Pengajian media juga membuktikan bahawa tindak balas penonton terhadap sesuatu tragedi dalam filem menyebabkan kesan kepada emosi penonton. Menurut Zillmann (1996), penonton akan berasa gembira apabila protagonis mendapat manfaat

mengikuti jalan cerita. Jika protagonis gagal kita rasa tidak adil untuk mereka dan ini menyebabkan kemunduran perasaan terhadap penonton. Menurut Oliveira et al. (2013), penonton menggunakan pelbagai tahap penglibatan ketika berhadapan dengan sesuatu media input. Justeru kaedah pengajaran yang menggunakan filem sebagai bahan bantu mengajar dapat digunakan untuk menjadikan proses pengajaran yang lebih menarik lagi.

Analisis filem dapat dilakukan oleh murid dalam kelas untuk meningkatkan pemahaman mereka dalam sesuatu filem dan juga keupayaan mereka untuk berfikir secara kritikal dalam membuat penilaian terhadap filem yang ditonton (Krish 1998). Chan dan Herero (2011) mendefinisikan analisis filem sebagai proses untuk mengenali informasi yang sukar difahami dan membawa informasi tersebut dalam pemikiran yang kritikal dengan menanya soalan, membuat analisis dan menilai informasi tersebut. Menurut Chan dan Herero (2011) dalam membuat analisis filem ia terbahagi kepada dua iaitu makro merangkumi, naratif, watak, tema, ideologi manakala mikro pula merangkumi teknik penggambaran, bunyi, suntingan dan lakonan. Manakala Corrigan dan Timothy (2001), berpendapat bahawa analisis filem merupakan salah satu cara untuk kita mengkritik sesebuah filem secara keseluruhan. Beberapa kajian dalam bidang psikologi juga dijalankan di mana filem digunakan dalam kelas untuk membuat analisis dalam ringkasan cerita, perbincangan dan topik yang diungkit dalam sesuatu filem (Bhugra 2003; Rosenstock 2003; Wedding et al. 2010; Zimmermann 2006). Tan dan Pearce (2012) menjelaskan, analisis filem boleh dilaksanakan di dalam kelas ketika murid menonton sesuatu filem untuk memberi rangsangan kepada murid terlibat dalam sesi perbincangan, menggalakkan analisis yang kritikal dan juga mencetuskan pemikiran aras tinggi dalam sesuatu topik yang dibincangkan menerusi filem. Pandangan ini dipersetujui oleh Boyatzis (2002), Krish (1998) dan Smith (2009) bahawa filem dapat menjadi pemangkin untuk mengadakan perbincangan dalam kelas setelah murid-murid menganalisis sesuatu filem. Kajian Watts (2007) mendapati bahawa murid yang terlibat dalam aktiviti pembikinan filem tidak dapat menjelaskan sesuatu isu dalam filem yang dibikin disebabkan oleh tiada aktiviti analisis filem dilaksanakan di dalam kelas sebaliknya apabila analisis filem dibuat murid dapat menghasilkan filem yang berkualiti dengan mesej yang jelas. Oleh itu, aktiviti analisis filem dapat digunakan oleh murid dalam menyedari sesuatu isu moral melalui filem yang ditonton.

METODOLOGI

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian tindakan (action research). Kemmis dan McTaggart (1988) menggambarkan kajian tindakan dalam bentuk gelungan. Setiap gelungan mempunyai empat

fasa iaitu (1) merancang (plan), (2) Bertindak (action), (3) memerhati (observe) dan (4) mengkaji semula (reflect). Menurut Kemmis (2009), kajian tindakan bertujuan mengubah tiga perkara yang utama iaitu, praktis pengamal, pemahaman praktis, keadaan atau kondisi sesuatu praktis dilakukan. Kemmis dan McTaggart (2005), menyatakan kajian tindakan merupakan refleksi sendiri secara kolektif oleh peserta kajian bagi meningkatkan rasional dan keadilan dalam amalan kerja bidang pendidikan dan kemasyarakatan. Menurut Fatimah Hashim (2001) pula kajian tindakan mementingkan konsep penyelidikan yang bercirikan pembelajaran dan pelaksanaan. Oleh itu penyelidik dalam kajian ini menjadi guru dan implementasi kaedah pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan teknik pembikinan filem pendek dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

Model kajian tindakan Zuber-Skerrit (1995), telah digunakan dalam kajian ini kerana lingkaran kajian tindakan ini menuju naik ke atas menandakan penambahbaikan yang berterusan dalam sesuatu latihan dan proses ini akan berlanjutan untuk meningkatkan pengetahuan peribadi dan profesional. Reka bentuk kajian tindakan dipilih kerana reka bentuk ini merupakan prosedur sistematik yang digunakan oleh guru atau penyelidik dalam konteks sekolah untuk mengkaji dan memperbaiki amalan pengajaran di bilik darjah (Chow & Jaizah 2001; Whitehead & McNiff 2006).


TEKNIK PENGUMPULAN DAN ANALISIS DATA

Kajian ini menggunakan pendekatan secara kualitatif dengan menggunakan beberapa cara untuk mendapatkan data (Bogdan & Biklen 2007). Penyelidik telah menggunakan protokol temu bual, protokol pemerhatian dan protokol penulisan jurnal bagi mengumpul data. Kesemua protokol telah disahkan oleh dua orang penilai pakar dalam bidang Pendidikan Moral. Temu bual kumpulan berfokus digunakan oleh penyelidik dalam pemilihan responden kajian. Peserta kajian dipilih bergantung kepada pengetahuan yang sedia ada terhadap mata pelajaran Pendidikan Moral. Penyelidik memilih murid-murid Tingkatan 4 yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Moral kerana mereka mempunyai pengetahuan dalam mata pelajaran Pendidikan Moral. Selain itu sekolah yang dipilih juga adalah sekolah harian biasa (campuran). Oleh itu penyelidik tidak mempunyai masalah dalam pemilihan responden mengikut jantina. Semua sesi temu bual dirakam secara audio visual, ditranskripsikan melalui proses pengekodan dan dianalisis dengan menggunakan bantuan perisian NVIVO 11. Semua transkripsi dan laporan verbatim diberikan semula kepada peserta bagi memeriksa pandangan yang diberikan semasa sesi temu bual dijalankan. Di samping itu, penyelidik juga menggunakan dokumen (penulisan jurnal murid) dan data pemerhatian dalam bilik darjah (Nadarajan Thambu & Md Hasbi 2017). Teknik triangulasi digunakan untuk mengesahkan data daripada ketiga-tiga sumber ini demi memperkukuh kesahan dapatan kajian (Stavros & Westberg 2009).

Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tema (thematic analysis) berdasarkan beberapa langkah yang disyorkan oleh Braun dan Clarke (2008). Proses analisis melibatkan langkah seperti pengurusan data, transkripsi, penyaringan data, pengekodan, penghasilan tema dan subtema dilaksanakan oleh penyelidik dengan menggunakan perisian NVIVO (David & Peter 2014). Data yang telah melalui proses pengekodan akan dipecahkan mengikut tema atau kategori serta kesemua data yang diperoleh disusun untuk menjawab soalan kajian.

PROSEDUR KAJIAN

Teknik pembikinan filem pendek mempunyai tiga langkah utama iaitu membuat papan cerita, berlakon, menonton dan analisis filem pendek. Dalam aktiviti membuat papan cerita murid terlibat dalam aktiviti mengarang cerita, membentuk plot cerita, penulisan skrip lakonan dan melakar gambar. Murid akan membuat rakaman filem pendek di luar waktu kelas dengan melakonkan watak-watak yang terdapat dalam sesebuah cerita. Papan cerita akan digunakan sebagai rujukan untuk membuat penggambaran filem pendek. Murid akan merakam filem pendek dengan bantuan guru. Seterusnya tayangan filem dan analisis filem akan dilaksanakan sewaktu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di bilik tayang. Rajah 1 menunjukkan proses pelaksanaan teknik pembikinan filem pendek.




RAJAH 1. Pelaksanaan teknik pembikinan filem pendek

Sebanyak empat filem ditayangkan dalam setiap sesi. Setiap kumpulan akan memilih satu filem pendek untuk membuat perbincangan mengenai isu moral, perasaan watak cereka, kesan isu kepada pihak tertentu, pegangan prinsip moral atau peraturan moral dan merasai keadaan watak cereka mengikut filem pendek yang ditayangkan. Setiap kumpulan akan membentangkan hasil perbincangan mereka di hadapan kelas. Seterusnya borang analisis filem akan diedarkan kepada semua pelajar dan murid akan membuat analisis filem secara terperinci.

KAJIAN TINDAKAN

Dalam gelung pertama fasa I, penyelidik telah merancang satu pelan tindakan am dengan menggunakan aktiviti menonton dan analisis filem pendek dalam pengajaran. Dalam fasa II murid terlibat dalam aktiviti menonton dan menganalisis filem pendek yang bertemakan nilai-nilai moral. Pada masa yang sama (fasa III) penyelidik

telah memerhatikan respons murid terhadap kaedah pengajaran ini sambil mengutip data tentangnya. Dalam fasa IV (refleksi) data yang dikutip telah dianalisis untuk mengetahui keupayaan aktiviti menonton dan menganalisis filem dalam mencungkil sensitiviti moral dalam kalangan murid. Prosedur yang sama digunakan dalam gelung kedua dan ketiga untuk mendapatkan data tepu bagi menjawab persoalan kajian.



Sumber: Zuber-Skerrit (1995)

RAJAH 2. Model kajian tindakan


DAPATAN KAJIAN

Teknik pembikinan filem pendek telah membantu peserta kajian meneroka sensitiviti moral berpandukan kepada isu moral. Hal ini dapat dibuktikan apabila peserta kajian menunjukkan kemahiran empati terhadap orang lain, dan mampu mentafsir perasaan orang lain dalam sesuatu konflik moral yang wujud. Selain itu, peserta juga boleh mentafsirkan sensitiviti moral dengan bersandarkan kepada faktor pegangan prinsip moral dan peraturan moral. Akhirnya aspek pemahaman tentang sebab dan akibat dalam sesuatu konflik juga boleh mengembangkan sensitiviti moral seseorang. Keempat-empat tema ini dapat menjelaskan kewujudan sensitiviti moral terhadap peserta yang terlibat dalam teknik pembikinan filem pendek (Rajah 3).

GELUNG 1

Hasil temu bual Gelung 1 dalam aktiviti menonton dan analisis filem menjelaskan bahawa peserta kajian dapat menyedari sesuatu isu moral dengan meletakkan diri mereka dalam situasi orang lain, memahami perasaan watak cereka dalam filem dan mempertahankan alasan terhadap tindakan watak-watak cereka yang patuh kepada prinsip moral dan peraturan moral. Beberapa sedutan temu bual membuktikan fenomena ini:

- Penyelidik:** Sejauh manakah anda memahami perasaan watak dalam situasi filem yang anda tonton?
- Peserta:** Masa saya tengok filem... filem itu memberikan pelbagai nilai murni untuk saya... *then...* lepas itu mereka



RAJAH 3. Penerokaan subtema bagi unsur sensitiviti moral

- menyentuh perasaan saya, saya rasa sedih jika orang lain mencemarkan alam sekitar ... Kalau orang bakar sampah depan rumah kita, kita mesti marah dan sedih lah...
- Penyelidik:** Adakah anda dapat merasai perasaan yang dialami oleh watak dalam filem itu?
- Peserta:** Ya, semasa saya menonton filem pendek itu, saya dapat rasa perasaan watak jiran yang selalu membakar sampah di hadapan rumah saya.... macam itu boleh juga berlaku kepada diri saya lah.... saya nanti akan rasa sedih dan kecewa.
- Subtema:** Emosi [Internals\\Temu bual\\Gelung 1\\21-8].
- Penyelidik:** Bagaimana aktiviti menonton dan analisis filem dapat membantu anda mentafsir perasaan orang lain?
- Peserta:** Semasa menonton filem saya dapat faham Andy (watak cereka) naik tangga dengan cepat-cepat masuk kelas sebab dia lambat ke sekolah, perasaan dia macam takut, lepas Kogilavanoan (watak cereka) tegur dia, dia nampak macam perasaan sedih... macam nak menangis... nak cakap kepada seseorang masalah dia. saya ada faham masalah dia takut dengan gengster itu, sebab dia kena buli oleh sekumpulan murid lain, dan saya dapat agak perasaan dia yang begitu sedih dan takut.
- Subtema:** Bahasa badan [Internals\\Temu bual\\Gelung 1\\25-8].
- Penyelidik:** Apakah konflik moral yang anda fahami setelah menonton dan analisis filem pendek tadi?
- Peserta:** Isu moral yang saya faham dalam filem yang saya tonton ialah seorang kanak-kanak yang berpura-pura menjadi pengemis dan meminta sedekah dari orang awam.
- Penyelidik:** Apakah tindakan anda jika anda berada dalam situasi tersebut?
- Peserta:** Sebenarnya... saya...kadang-kadang lihat pengemis, saya jalan terus, tetapi setelah menonton filem itu saya perlu melaporkan kepada polis kegiatan kanak-kanak yang menyamar sebagai pengemis meminta sedekah. Ini adalah salah dari segi undang-undang.
- Subtema:** Mematuhi peraturan dan undang-undang [Internals\\Temu bual\\Gelung 1\\17-8].
- Catatan jurnal peserta kajian dalam Gelung 1 juga membuktikan wujudnya elemen sensitiviti moral setelah murid terlibat dalam aktiviti menonton dan analisis filem pendek dalam pengajaran Pendidikan Moral. Antaranya murid dapat mentafsir perasaan orang lain dan patuh kepada prinsip moral atau peraturan moral dalam menyedari sesuatu isu moral yang dibawa menerusi filem pendek yang ditayangkan. Peserta memberikan alasan kepada tindakan watak cereka yang patuh kepada prinsip moral dan peraturan moral dalam menangani sesuatu situasi.
- Perasaan saya kecewa apabila pengusaha kantin menggunakan polistirena untuk membungkus makanan, ini kerana polistirena mencemarkan alam sekitar, contohnya membuang polistirena di dalam kolam akan menyebabkan ikan akan mati dan

sungai akan tercemar... saya dapat faham perasaan watak masa saya analisis filem.

Subtema: Kesan isu [Internals\\Jurnal\\Gelung 1\\17-8].

Semasa aktiviti menonton dan analisis filem, saya dapat tahu masalah yang dihadapi oleh watak Andy, Andy kelihatan sedih kerana Mohan dan kawan-kawannya membuli dia dengan perkataan yang kesat dan menyebabkan dia berasa sedih. Kalau kita menjadi mangsa buli.

Subtema: Konflik [Internals\\Jurnal\\Gelung 1\\SMK Barat\\25-8].

Dalam aktiviti menonton filem saya faham Low Jun Yuan menghubungi polis melaporkan perbuatan pengemis yang menipu orang awam yang minta sedekah. perbuatan ini salah dari segi undang-undang dan perlu beritahu kepada pihak polis.

Subtema: Mematuhi peraturan dan undang-undang [Internals\\Jurnal\\Gelung 1\\8-8].

Seterusnya, pemerhatian dalam Gelung 1, pula mengesahkan bahawa peserta dapat menyedari isu moral setelah memahami sebab dan akibat kepada keluarga akan kesan konflik yang dihadapi. Seorang pemerhati mencatatkan bahawa,

Dalam aktiviti menonton dan analisis filem pendek peserta dapat mencadangkan ayah Loh Yoke Voon (watak cereka) yang mengambil tindakan serta merta setelah mengetahui anaknya tidak dapat tidur akibat keadaan bising di rumah jiran sebelah. Mengikut salah seorang pemerhati murid dapat memahami dan peka akan tanggungjawab seorang ayah yang sering mengambil berat terhadap keadaan anak.

Subtema: Keluarga [Internals\\Pemerhatian\\Gelung 1\\16-8].

GELUNG 2

Seterusnya, hasil temu bual Gelung 2 membuktikan peserta dapat menyedari isu moral dengan mempunyai kemahiran empati dan mentafsir perasaan watak cereka menerusi filem yang ditonton. Peserta juga dapat menyedari sesuatu isu moral setelah memahami punca dan kesan sesuatu isu itu kepada pihak tertentu. Pegangan prinsip moral dan peraturan moral juga membantu murid dalam menyedari sesuatu konflik yang berlaku dalam sesuatu situasi. Berikut merupakan sedutan temu bual peserta kajian.

Penyelidik: Adakah kamu meletakkan diri anda ke dalam situasi orang lain dalam aktiviti yang telah kamu laksanakan?

Peserta: Semasa menonton filem, saya boleh anggapkan diri sebagai watak dalam cerita tersebut semasa watak itu OKU itu meluahkan perasaan kecewanya "tolonglah puan, saya tidak boleh berjalan jauh, fahamilah keadaan

saya" saya boleh faham perasaan seorang OKU yang sedih dan kecewa apabila pengerusi PIBG meletakkan kenderaan di tempat parking OKU.

Subtema: Emosi [Internals\\Temu bual\\Gelung 2\\26-9].

Penyelidik: Apakah kesan kepada watak-watak yang melalui isu yang diberikan?

Peserta: Masa saya membuat analisis filem setelah menonton filem, saya dapat faham... kesan kepada mangsa banjir, ... jika saya takda pergi bantu itu mangsa banjir... nanti itu mangsa banjir rasa mereka tak boleh hidup maa..saya rasa mereka takda harap mau hidup maa.. mungkin boleh mati sebab kejadian banjir boleh bawa banyak penyakit.

Subtema: Masyarakat [Internals\\Temu bual\\Gelung 2\\27-9].

Penyelidik: Bagaimana aktiviti tadi membantu anda memahami watak utama itu patuh kepada prinsip moral?

Peserta: Menganalisis filem... "The Warrior" saya faham Ng Zhen Jie mematuhi peraturan sekolah iaitu tidak boleh buat bising di kawasan surau dan perlu menghormati agama orang lain... sebab itu dia ada melaporkan kejadian ini kepada guru sekolah itu.

Subtema: Insan bermoral [Internals\\Temu bual\\Gelung 2\\SMK Layang\\26-9].

Dalam pada itu catatan jurnal peserta kajian dalam Gelung 2, juga membuktikan wujudnya elemen sensitiviti moral setelah murid terlibat dalam aktiviti menonton dan menganalisis filem pendek dalam pengajaran Pendidikan Moral. Antaranya murid dapat menyedari isu moral dengan memahami punca dan kesan melalui sesuatu konflik, mentafsir perasaan orang lain dan berempati terhadap watak cereka dalam filem pendek yang ditayangkan.

Semasa saya menonton filem saya tahu bahawa kita tidak boleh hisap rokok di kawasan sekolah macam Chang yang hisap rokok di tandas dan dia boleh tercicir dalam pelajaran sebab selalu lambat masuk kelas. Kalau saya buat perkara ini juga saya akan ketinggalan dalam pelajaran

Subtema: Diri [Internals\\Jurnal\\Gelung 2\\20-9].

Aktiviti menonton filem membantu saya memahami perasaan guru yang marah terhadap YDP PIBG yang parking tempat OKU. Dalam lakonan itu cikgu itu yang menunjukkan dia marah. Kita boleh lihat matanya besar ketika dia marah dalam filem itu. Dia marah kerana tiada parking kepada OKU.

Subtema: Bahasa badan [Internals\\Jurnal\\Gelung 2\\4-9].

Ketika saya membuat analisis filem, saya tahu kita tidak boleh mempercayai penuh dengan orang lain, saya berasa marah dengan orang yang tipu jual itu komputer yang rosak. Kita tidak boleh buat macam itu, nanti orang yang beli komputer akan rugi.

Subtema: Kesan isu [Internals\\Jurnal\\Gelung 2\\SMK Dato\\4-9].

Seterusnya, pemerhatian dalam Gelung 2 pula mengesahkan bahawa peserta ketika terlibat dalam aktiviti menonton dan menganalisis filem pendek dapat menyedari isu moral dengan mentafsir perasaan watak cereka. Seorang pemerhati mencatatkan bahawa:

Murid dapat memahami konflik seorang ibu (watak cereka) yang menyedari anaknya merupakan seorang pembuli dan perokok. Murid juga dapat membuat tafsiran terhadap perasaan ibu mengikut situasi dalam filem yang dianalisis. Murid dapat mentafsir perasaan ibu (watak cereka) yang berada dalam kesedihan melalui aktiviti analisis filem.

Subtema: Konflik [Internals\\Pemerhatian\\Gelung 2\\26-9].

GELUNG 3

Hasil temu bual gelung 3 juga membuktikan peserta menyedari isu moral dalam aktiviti menonton dan analisis filem pendek. Antaranya peserta dapat memahami punca dan sebab yang akan berlaku kepada watak menerusi sesuatu konflik. Seterusnya peserta juga menyedari isu moral dengan berpegang kepada prinsip moral dan peraturan moral mengikut sesuatu situasi dengan mempertahankan alasan terhadap tindakan watak cereka mengikut sesuatu filem yang telah ditonton. Berikut merupakan sedutan temu bual peserta kajian.

Penyelidik: Aktiviti manakah yang membantu anda mengenali masalah moral yang diberi oleh guru iaitu kesan kepada watak?

Peserta: Saya semasa menonton filem... saya faham dengan jelas... contoh dalam filem pendek kumpulan 3... dalam cerita itu masa murid itu ulang kaji pelajaran ada gangguan seperti jiran sebelah buka muzik dengan kuat... saya dapat faham konflik itu dan kalau saya berada dalam situasi tersebut saya tidak dapat belajar dan mungkin akan dapat markah rendah dalam peperiksaan.

Subtema: Konflik [Internals\\Temu bual\\Gelung 3\\13-11].

Penyelidik: Apakah kesan kepada watak-watak dalam filem melalui isu moral yang diberikan?

Peserta: Melalui filem yang saya tonton... filem bertajuk *triple trouble*... kesan kepada Andy yang badan dia gigil kerana ketakutan sebab kena buli oleh sekumpulan murid... Andy berasa tersinggung dan tak boleh tumpukan dalam pelajaran kalau dia selalu kena buli... saya faham perasaan Andy semasa lakonan dia.

Subtema: Bahasa badan [Internals\\Temu bual\\Gelung 3\\13-11].

Penyelidik: Adakah watak dalam filem menunjukkan apa-apa tingkah laku moral?

Peserta: Emm... dalam aktiviti analisis filem saya nampak macam watak Hoo Ling Hui menghormati murid warganegara asing itu, dia ada perasaan menghormati sesama manusia dan dia memberi pertolongan kepadanya daripada kumpulan gengster yang membuli dia. Dia juga ada niat mahu tolong orang yang berada dalam kesusahan.

Subtema: Insan bermoral [Internals\\Temu bual\\Gelung 3\\24-10].

Catatan jurnal peserta kajian dalam gelung 3 juga menunjukkan wujudnya unsur sensitiviti moral kepada murid ketika terlibat dalam aktiviti menonton dan analisis filem pendek. Peserta dapat menyedari sesuatu isu dengan mengambil kira punca dan kesan kepada pihak tertentu menerusi konflik yang dihadapi. Peserta juga menyedari percanggahan prinsip moral dan peraturan moral dalam sesuatu isu yang dibawa dalam filem pendek yang ditayangkan.

Saya gembira semasa menonton filem, nilai kasih sayang saya dapat melalui filem ini, Bapa Chen Jia Hoa pergi berjumpa pakcik jiran minta dia kurangkan suara radio sambutan hari jadi kerana anaknya tak dapat baca buku untuk peperiksaan. Bapa dia ambil berat terhadap anak dia.

Subtema: Keluarga [Internals\\Jurnal\\Gelung 3\\3-10].

Dalam aktiviti analisis filem saya dapati Chang menjaga hubungan antara kawan-kawan dia yang berlainan kaum dan dia memberi nasihat kepada Subash supaya padam perkataan sensitiviti kaum yang dia upload dalam *Facebook*. Perbuatan Subash itu merupakan satu kesalahan dan boleh menimbulkan pergaduhan antara kawan.

Subtema: Masyarakat [Internals\\Jurnal\\Gelung 3\\8-11].

Seterusnya, pemerhatian dalam Gelung 3 pula mengesahkan bahawa aktiviti menonton dan analisis filem pendek membantu murid menyedari isu moral dengan

mempunyai kemahiran empati. Peserta dapat melalui situasi yang dialami oleh watak cereka dan mencadangkan tindakan yang harus diambil dalam menyelesaikan konflik berkenaan.

Peserta dapat meletakkan dirinya dalam situasi tersebut dan dapat mentafsir tindakan alternatif yang boleh diambil untuk menyelesaikan konflik berkenaan. Dalam aktiviti analisis filem pemerhati mendapati peserta telah memberikan cadangan tindakan yang boleh diambil oleh guru dengan membawa Andy (mangsa buli) untuk berpindah ke sekolah lain sebagai cara untuk menyelamatkan masa depan Andy.

Subtema: Tindakan [Internals\\Pemerhatian\\Gelung 3\\SM7-11].

PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan aktiviti menonton dan analisis filem membantu murid dalam menyedari sesuatu isu moral. Murid dapat mentafsir perasaan watak cereka dalam aktiviti filem yang disertai. Misalnya memahami perasaan jiran (watak cereka) yang kecewa membakar sampah di hadapan rumah, mentafsir perasaan seorang mangsa buli yang berada dalam ketakutan, guru (watak cereka) yang marah akibat hak golongan OKU tidak dipelihara, perasaan ibu (watak cereka) yang sedih mengenangkan nasib anaknya yang menjadi seorang perokok. Dapatan kajian ini juga sehaluan dengan pendapat Maiese dan Michelle (2005), bahawa sesuatu konflik boleh menyebabkan gangguan emosi seseorang lantas membawa kepada ketidakselesaan kepada individu berkenaan. Keadaan ini membantu seseorang dalam membuat tafsiran terhadap perasaan orang lain dalam sesuatu isu. Individu yang dapat memahami konflik dalam sesuatu situasi mudah untuk mentafsir perasaan orang lain dan sifat ini juga dapat meningkatkan sensitiviti moral seseorang.

Begitu juga dalam menyedari sesuatu isu moral aktiviti menonton dan analisis filem membantu murid meningkatkan kemahiran empati. Murid dapat meletakkan diri mereka dalam situasi watak mengikut filem pendek yang ditayangkan. Antaranya mengalami perasaan sedih dan kecewa semasa jiran sebelah membakar sampah di hadapan rumah, menganggap diri sebagai OKU yang mana haknya dirampas oleh orang lain, menjadi mangsa penipuan penjualan komputer, memahami dan melalui perasaan seorang murid yang tidak dapat mengulang kaji pelajaran kerana rumah sebelah terlalu bising, mengambil tindakan sebagai seorang guru untuk memindahkan mangsa buli ke sekolah yang lain. Justeru aktiviti menonton dan analisis filem dapat membantu murid meningkatkan kemahiran empati bagi menyedari sesuatu isu yang berlaku terhadap mereka. Crowell (2005), juga menegaskan bahawa dalam menyedari sesuatu isu moral, seseorang itu perlu mempunyai kemahiran empati dalam sesuatu situasi dan beriltizam untuk melaksanakan tindakan moral.

Seterusnya dapatan kajian ini juga menunjukkan peserta menyedari sesuatu isu moral dengan memahami kesan kepada pihak tertentu melalui konflik yang dihadapi. Antaranya perbuatan membuang bekas polistirena yang menyebabkan pencemaran kolam, seorang ayah memahami keadaan anak yang tidak dapat tidur pada waktu malam kerana rumah jiran yang bising, mangsa banjir yang mungkin akan mati disebabkan oleh penyakit jika tidak diberikan bantuan segera, amalan lambat masuk ke kelas boleh menyebabkan seseorang murid tercicir dalam pelajaran, keadaan bising rumah jiran mengganggu anaknya mengulang kaji pelajaran, perbuatan memuat naik perkataan yang menyentuh sensitiviti kaum boleh membawa pergaduhan antara kaum. Oleh itu dapatan kajian ini membuktikan pemahaman sebab dan akibat kepada pihak tertentu melalui sesuatu isu dapat meningkatkan sensitiviti moral seseorang. Menurut Bebeau (2002), pemahaman sebab dan akibat kepada diri sendiri dan individu lain merupakan satu aspek yang dapat meningkatkan sensitiviti moral seseorang ketika menghadapi sesuatu konflik.

Peserta kajian juga menyedari sesuatu isu moral disebabkan oleh pegangan prinsip moral dan peraturan moral yang kukuh. Antara prinsip dan peraturan moral yang memberi kesedaran isu dalam aktiviti menonton dan analisis filem pendek ialah perbuatan kanak-kanak yang meminta sedekah dan penjualan komputer yang rosak kepada orang awam merupakan satu kesalahan dari segi undang-undang. Selain itu peserta juga mematuhi prinsip moral menghormati agama orang lain dengan tidak membuat bising di kawasan surau dan memberi bantuan segera kepada orang yang memerlukan. Bagi menyedari sesuatu isu moral (sensitiviti moral) seseorang individu perlu peka dan mempunyai pemahaman yang kukuh dalam prinsip moral dan peraturan moral (Heinrichs & Oser n.d. 2013). Kearifan dalam prinsip moral, dan peraturan moral dapat meningkatkan kesedaran terhadap isu moral dalam kehidupan harian seseorang.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, sensitiviti moral amat penting kepada seseorang dalam menyedari sesuatu isu moral dan mengambil pertimbangan wajar sebelum menyelesaikan sesuatu konflik. Menurut Bebeau (2002), bagi memperkasakan amalan nilai murni terhadap murid sekolah sensitiviti moral merupakan unsur yang perlu diterapkan dalam pengajaran Pendidikan Moral. Hal ini adalah kerana sensitiviti moral memberikan keupayaan kepada seseorang untuk melihat sesuatu isu mengikut perspektif diri sendiri dan membawa kepada tindakan moral. Jelaslah teknik pengajaran interaktif seperti penggunaan filem pendek seperti aktiviti menonton dan menganalisis filem pendek dalam pengajaran Pendidikan Moral dapat membantu murid menguasai kemahiran insaniah yang diaspirasikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025).

RUJUKAN

- Abdul Shatar Che Abdul Rahman. 2009. Pengetahuan kandungan dan pedagogi guru Pendidikan Moral tingkatan empat di sebuah sekolah. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Bebeau, M.J., Rest, J.R. & Narvaez, D. 1999. Beyond the promise: A perspective on research in moral education. *Educ. Res.* 28(4): 18-26.
- Bebeau, M. 2002. The defining issues test and the four component model: Contributions to professional education. *Journal of Moral Education* 31(3): 271-295.
- Bhugra, D. 2003. Using film and literature for cultural competence training. *Psychiatric Bulletin* 27(11): 427-428.
- Bogdan, R.C. & Biklen, S.K. 2007. *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theories and Methods*. New York, NY: Pearson.
- Boyatzis, C.J. 2002. Using feature films to teach social development. In *Handbook for Teaching Introductory Psychology: Vol. 3: With an emphasis on assessment*, edited by Griggs, R.A. Mahwah, NJ US: Lawrence Erlbaum Associates Publishers. Buda.
- Cassidy, M.F. & Knowlton, J.Q. 1983. Visual literacy: A failed metaphor? *Educational Communication and Technology* 31: 67-90.
- Chan, D. & Herrero, C. 2011. *Using Film to Teach Languages: A Teachers' Toolkit for Educators Wanting to Teach Languages using Film in the Classroom, with a Particular Focus on Arabic, Mandarin, Italian and Urdu*. Manchester, Cornerhouse.
- Chow, Y.L. & Jaizah Mahamud. 2011. *Kajian tindakan: Konsep dan Amalan dalam Pendidikan*. Puchong: Penerbitan Multimedia.
- Corrigan, Timothy. 2001. *A Short Guide to Writing about Film*. New York: Longman.
- Crowell. 2005. *Moral Psychology and Information Ethics: Psychological Distance and the Components of Moral Behavior in a Digital World*. USA: University of Notre Dame.
- David Wilkinson & Peter Birmingham. 2014. *Using Research Instruments-A Guide for Researchers*. Routledge Study Guides, Routledge.
- Fatimah Hashim. 2001. Penyelidikan tindakan di sebuah sekolah. Dalam *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*, disunting oleh Marohaini Yusoff. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Gallese & Guerra, M. 2012. Embodying movies: Embodied simulation and film studies. *Cinema: Journal of Philosophy and the Movie*: 183-210.
- Gallese, V. 2005. "Being like me": *Self-other identity, mirror neurons and empathy*. Perspectives on Imitation: From Cognitive Neuroscience to Social Science (Vol. 1). Cambridge, MA: MIT Press.
- George Lakoff & Mark Johnson. 1999. *Philosophy in the Flesh: The Embodied Mind and Its Challenge to Western Thought*. New York: Basic Books.
- Hannah Chapelle Wojciehowski & Vittorio Gallese. 2011. "How Stories Make Us Feel: Toward an Embodied Narratology," *California Italian Studies*.
- Heinrichs, K. & Oser, F. 2013. *Handbook of Moral Motivation*. Sense Publishers.
- Jan Patocka. 1998. *Body, Community, Language, World*. Chicago: Carus Publishing Company.
- Joseph E. Champoux. 2007. Film as a teaching resource. *Journal of Management Inquiry* 1999 8(2): 240-251.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2000. *Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM (Semakan)*. Pusat Perkembangan Kurikulum. Kuala Lumpur.
- Kemmis, S. 2009. What is to be done? The place of action research. Keynote address to the Annual Conference of the Collaborative Action Research Network (CARN), Athens, Greece.
- Kemmis, S. & McTaggart, R. 1988. *The Action Research Planner*. Geelong, Australia: Deakin University Press.
- Kemmis, S. & McTaggart, R. 2005. Participatory action research: communicative action and the public sphere. In *The Sage Handbook of Qualitative Research* (3rd ed.), edited by Denzin, N. & Lincoln, Y. (Thousand Oaks: Sage.
- Kirsh, S.J. 1998. Using animated films to teach social and personality development. *Teaching of Psychology* 25(1): 49-51.
- Krugman, H.E. 1965. The impact of television advertising: Learning without involvement. *Public Opinion Quarterly* 29: 349-356.
- Liau, A. K., Liau, A.W. L., Teoh, G. B. S. & Liau, M.T. L. 2003. The case for emotional literacy: The influence of emotional intelligence on problem behaviours in Malaysian secondary school students. *Journal of Moral Education* 32(1): 51-66.
- Maiese, Michelle. 2005. "Emotions." *Beyond Intractability*. Eds. Guy Burgess and Heidi Burgess. Conflict Research Consortium, University of Colorado, Boulder.
- Marois, R. 2005a. Capacity limits of information processing in the human brain. *Phi Kappa Phi Forum* 85: 30-33.
- Nadarajan Thambu & Muhammad Hasbi Abdul Rahman. 2017. Forum Theatre as a behavior change strategy: Qualitative findings from Moral Education class. *SEARCH: The Journal of the South East Asia Research Centre for Communications and Humanities* 9(1): 25-46.
- Oliveira, E., Martins, P. & Chambel, T. 2013. Accessing movies based on emotional impact. *Multimedia Systems* 19(6).
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. 1990. *Pukal Latihan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Falsafah Pendidikan Negara. (1990)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Peppino Ortoleva. 2010. Una Specie di Transfert. Spettacolo e spettatore, da un antico dibattito all'esperienza filmica e televisiva, talk given at the *International Conference Etica e Spettacolarità, Almo Collegio Borromeo, Pavia*, 21-22 Sept.
- Rest, J.R., Narvaez, D., Bebeau, M. & Thoma, S. 1999. *Postconventional Moral Thinking: A neo-Kohlbergian approach*. Mahwah, NJ: Erlbaum.
- Rizzolati, G., Fadiga, L., Gallese, V. & Fogassi, L. 1996. Premotor cortex and the recognition of motor actions. *Cognitive Brain Research* 3: 131-141.
- Rosenstock, J. 2003. Beyond A Beautiful Mind: Film choices for teaching schizophrenia. *Academic Psychiatry* 27(2): 117-122.
- Smith, H. 2009 (1981, 2nd ed). *Strategies of Social Research*. Englewood Cliffs: Prentice Hall.
- Sobchack, Vivian. 2012. Being on the screen. A phenomenology of cinematic flesh, or the actor's four bodies. In *Acting and Performance in Moving Image Culture. Bodies, Screens, Renderings*, ed. Jörg Sternagel, Deborah Levitt, Dieter Mersch, 429-445. Bielefeld: Transcript.

- Springer, S. P. & Deutsch, G. 1998. *Left Brain, Right Brain*. San Francisco: W. H. Freeman.
- Stavros, C. & Westberg, K. 2009. Using triangulation and multiple case studies to advance relationship marketing theory. *Qualitative Market Research* 12(3): 307-320.
- Stephen Kemmis. 2011. *A Self-Reflective Practitioner and a New Definition of Critical Participatory Action Research*. Charles Sturt University, Wagga Wagga, NSW, Australia ,Professional Learning and Development in Schools and Higher Education 7, DOI © Springer Science & Business Media B.V.
- Tan, E. & Pearce, N. 2012. Open education videos in the classroom: Exploring the opportunities and barriers to the use of YouTube in teaching introductory sociology. *Research in Learning Technology* 19: 0174.
- Till, B., Niederkrotenthaler, T., Herberth, A., Voracek, M., Sonneck, G. & Vitouch, P. 2011. Coping and film reception. *Journal of Media Psychology* 23(3): 149-160.
- Torben Grodal. 1997. *Moving Pictures: A New Theory of Film Genres, Feelings and Cognition*. New York: Oxford University Press.
- Vishalache Balakrishnan. 2009. Teaching moral education in secondary schools using real-life dilemmas. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Victoria University of Wellington.
- Vittorio Gallese. 2003. The manifold nature of interpersonal relations: the quest for a common mechanism. *Royal Society of London* 358: 517-528.
- Vittorio Gallese. 2011. Neuroscience and Phenomenology, Phenomenology & Mind 1. *Trends in Cognitive Sciences*: 33-48.
- Watts, R. 2007. Harnessing the power of film in the primary classroom. *Literacy* 41(2): 102-109.
- Wedding, D., Boyd, M.A. & Niemiec, R.M. 2010. *Movies and Mental Illness: Using Films to Understand Psychopathology* (3rd rev. ed.). Cambridge, MA US: Hogrefe Publishing.
- Wirth, W. & Schramm, H. 2005. Media and Emotions. *Communication Research Trends* 24(3).
- Whitehead, J. & McNiff, J. 2006. *Action Research Living Theory*. London, UK: Sage.
- Zainal Madon & Mohd. Sharani Ahmad. 2004. *Panduan Mengurus Remaja Moden*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Zainul Arifin Md. Isa. 2012. *Grads without soft skills victims of system*. New Straits Times, p. 19.
- Zillmann, D. 1996. *Media Effects: Advances in Theory and Research*. Routledge, New York.
- Zimmermann, G. 2006. Review of movies and mental illness: using films to understand psychopathology. *Swiss Journal of Psychology* 65(1).
- Zuber-Skerrit, O. 1992. *Action Research in Higher Education: Examples & Reflections*. London: Kogan Page Ltd.
- Vasanthan A/L Gurusamy
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Emel: vasanthan@fsk.upsi.edu.my
- Nadarajan A/L Thambu
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Emel: nada@fsk.upsi.edu.my
- Chander A/L Vengadasalam
Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik
Emel: chandervengadasalam@yahoo.com
- *Pengarang untuk surat-menyurat, email: vasanthan@fsk.upsi.edu.my
- Diserahkan: 24 Julai 2018
Diterima: 28 Januari 2019
Diterbitkan: 31 Mei 2019

